

JENAYAH SUMBANG MAHRAM: PERKEMBANGAN DAN FAKTOR PENYEBARANNYA

Kamarul Azmi Jasmi
Ahmad Kilani Mohamed
Azhar Muhammad

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Mohamed, A. K., & Muhammad, A. (2003). Jenayah Sumbang Mahram: Perkembangan dan Faktor Penyebarannya in *Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga]* at Hotel Alison Klana, Seremban, Negeri Sembilan, on 16 Oktober 2003, pp 1-11. ISBN 983-29-750-50.

ABSTRAK

Pendidikan Pembangunan Insan (PPI) merupakan pendidikan yang penting untuk membentuk manusia menjadi insan yang sempurna dalam segala aspek terutamanya dalam aspek kerohanian. Antara tokoh pendidikan insan abad ke 7H yang ialah Al-Imam Al-Nawawi. Melalui karyanya Kitab Riyad al-Solihin, beliau berjaya menyampaikan secara terperinci aspek-aspek PPI dengan penggunaan teknik penyampaian yang baik sehingga kitab tersebut diakui mampu dijadikan asas bagi membentuk manusia menjadi insan yang solih. Dua aspek utama untuk kejayaan PPI Al-Imam Al-Nawawi ialah metodologi yang betul untuk mendidik manusia serta isi kurikulum pembangunan yang lengkap. Tanpa kedua-duanya perkara ini PPI sukar dicapai dengan sempurna. Namun begitu perbincangan di sini akan menumpukan perbincangan teknik-teknik yang digunakan oleh Beliau dan contoh-contohnya supaya teknik-teknik ini dapat dihubungkan dengan teknik pengajaran Pendidikan Islam.

REFERENCES

- Abdullah Basmeih (1982). *"Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran."* Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjid al-Tullab*. Bairut: Dar al-Masriq.
- Al-Imam Abu Daud (1994). *Sunan Abi Daud*. Bairut: Dar al-Fikr.
- Al-Imam Al-Bukhari (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Jil. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah. Jilid 1-5.
- Al-Imam al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Imam al-Tarmidzi (1994). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 1-5.
- Al-Islam. Januari 1996.
- Al-Zuhaili, Dr. Wahbah (1984). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Berita Harian, 10 Mei 2002.
- Berita Harian, 28 Jun 2003.
- Dr. Mizan Adiliah bt. Ahmad Ibrahim (1997). *Hukum Islam Adalah Pendidikan*. Majalah Dakwah Ogos.
- Imam Ibnu Majah (1954). *Sunan Ibnu Majah*. Mesir: Dar al-Fikr. Jilid 1-2.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Putra Jaya: <http://www.statistics.gov.my>.
- Kamarul Azmi Jasmi (2002). Paradigma al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Tesis Sarjana.
- Mohd Saleh b. Lebar (1999). *Asas Psikologi Perkembangan*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Muhammad Said (1988). *Fan Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam*. Al-Qahirah, Mesir: Dar al-Tauzic wa al-Nasy al-Islamiyyah.
- Mustafa Said Al-Khin. *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Solihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2.
- Normala Hamzah (1999). *Asam Garam Rumah Tangga: Isteri Perangkap Suami Berasmara Dengan Adik Kandung*. Majalah Wanita, November.
- Norzeyatun Mohd Yahya (1994). *Hawa Nafsu Mengatasi Kewarasan*. Majalah Jelita Julai.
- Norzeyatun Mohd Yahya (1994). *Sumbang Mahram Daripada Fail Dr. Kasmini: Kisah Pulu Mangsa*. Majalah Jelita, Julai.
- Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.
- Sharifah Abu Salem (2001). *Hati Ke Hati*. Majalah Keluarga, Oktober.
- Sharifah Abu Salem (2001). *Hati Ke Hati: Saya Tak Berniat Khianati Kakak tapi....* Majalah Keluarga, Oktober.
- Utusan Malaysia, Julai 2002.

JENAYAH SUMBANG MAHRAM: PERKEMBANGAN DAN FAKTOR PENYEBARANNYA¹

Kamarul Azmi Jasmi
Azhar Muhamad
Mohd Ismail Mustari
Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan sosial
Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom

ABSTRAK

Sumbang mahram merupakan antara jenayah yang sudah mengambil tempat dalam liputan-liputan media massa. Jenayah ini sudah dianggap penyakit yang inula merebak di kalangan anggota masyarakat. Dalam kertas kerja ini, perbincangan ditumpukan kepada perkembangan jenayah sumbang mahram dari aspek kuantitatif dan kualitatif serta melihat punca-punca utama berlakunya sumbang mahram. Dengan itu, pelaksanaan pencegahan dan penyebaran jenayah tersebut dapat dibendung dengan lebih berkesan di dalam masyarakat.

PENGENALAN

Sejak sedekad ini, isu sumbang mahram merupakan isu yang telah banyak diperbincangkan dalam pelbagai peringkat seperti seminar, forum, simposium bahkan sehingga ke kabinet. Perbagai langkah juga mula dilaksanakan dengan begitu drastik sehingga Kabinet telah meluluskan hukuman maksimum 20 tahun penjara ke 30 tahun penjara bagi penjenayah rogol sumbang Mahram ini di samping hukuman sebatan sekalipun berumur atas 50 tahun (Berita Harian, 28 Jun 2003). Pihak juri dan hakim juga mula memilih hukuman yang maksimum terhadap periakuan sumbang mahram dalam beberapa kes sebagai contoh, seorang penganggur iaitu bapa saudara kepada mangsa rogol sumbang mahram di penjara 20 tahun dengan 20 sebatan (Berita Harian, 10 Mei 2002). Satu lagi kes melibatkan seorang pekerja kilang iaitu bapa kepada mangsa dipenjarakan 16 tahun dan 6 sebatan (Utusan, 28, Julai 2002).

Sumbang mahram adalah merupakan hubungan seks yang melibatkan ahli keluarga yang haram dikahwini sama ada yang berbentuk paksaan seperti rogol atau berbentuk kerelaan seperti perzinaan. (Al-Islam, Januari 1996). Gejala sosial sumbang mahram ini merupakan salah satu daripada berjenis-jenis gejala sosial yang selari dengan yang lainnya. Bezanya gejala ini dianggap besar kerana melampaui batas-batas kemanusiaan dan keinsanan sama ada daripada kacamata manusia mahupun agama. Gejala sumbang mahram sebagaimana gejala-gejala sosial yang lain perlu diteliti dengan terperinci untuk mencari faktor-faktor pendorong berlakunya sesuatu kes. Penelitian kepada punca sesuatu kes terutama dari aspek kualitatif berbanding kuantitatif akan memberikan kita dimensi yang

¹ Kertas Kerja ini dibentangkan di Seminar Kebangsaan Ke-tiga Psikologi Dan Masyarakat 2004 pada 04-05. Okt. 2004 di Pusat Latihan KWSP (ESSET), Bangi serta dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

berbeza dalam menyelesaikan kes tersebut serta menyediakan langkah-langkah yang *efektif* untuk membendung gejala sumbang mahram daripada akar umbinya.

STATISTIK KUANTITATIF SUMBANG MAHRAM

Kes-kes sumbang mahram (Jadual 1) yang dicatatkan sejak tahun 2000 hingga tahun 2003, sudah mencapai angka 919 kes keseluruhannya dengan peratusan daripada penduduk Malaysia sebanyak 0.0037%. Jumlah ini dianggap kecil jika dibandingkan jumlah penduduk Malaysia yang mencecah 25 juta pada tahun 2003. Namun jumlah kes dari segi tahun ke tahun menunjukkan peningkatan yang berterusan daripada 213 kes pada tahun 2000 kepada 246 (2001) dan 306 (2002). Bahkan, pada bagi bulan Januari hingga Julai, 2003 sahaja, telah ada sebanyak 154 kes sumbang mahram.

Statistik kes sumbang mahram /yang dilaporkan menunjukkan negeri Johor mempunyai jumlah kes iaitu 146 kes . Ini diikuti oleh negeri Selangor (129), Sabah (98), Pahang dan Kedah (masing-masing 78 kes), Perak (68), Sarawak (55), Terengganu (54), Kelantan (53), Negeri Sembilan (39), Melaka (38), Pulau Pinang (31) dan ialah Perl is dengan tujuh kes.

Jadual 1 Statistik kes sumbang mahram di Malaysia 2000-2003

| Negeri ¹ | 2000 | 2001 ¹ | 2002 | 2003 ² | JUM. | JUM. PEND. ³ | % ⁴ |
|---------------------|------|-------------------|------|-------------------|-----------------|-------------------------|----------------|
| Pahang | 13 | 18 | 35 | 12 | 78 | 1,372,500 | 0.0057% |
| Melaka | 13 | 8 | 10 | 7 | 38 | 687,100 | 0.0055% |
| Negeri Sembilan | 7 | 17 | 10 | 11 | 45 | 913,300 | 0.0049% |
| Johor | 29 | 34 | 47 | 36 | 146 | 2,959,400 | 0.0049% |
| Kedah | 21 | 12 | 31 | 14 | 78 | 1,778,200 | 0.0043% |
| Kuala Lumpur | 9 | 15 | 10 | 5 | 39 | 966,100 | 0.0040% |
| Terengganu | 16 | 18 | 15 | 5 | 54 ¹ | 1,501,800 | 0.0036% |
| Kelantan | 9 | 21 | 16 | 7 | 53 | 1,453,000 | 0.0036% |
| Sabah | 24 | 30 | 27 | 17 | 98 | 2,795,100 | 0.0035% |
| Perlis | 1 | 1 | 4 | 1 | 7 | 217,900 | 0.0032% |
| Perak | 16 | 14 | 27 | 11 | 68 | 2,194,000 | 0.0031% |
| Selangor | 29 | 32 | 47 | 21 | 129 | 4,498,100 | 0.0029% |
| Sarawak | 20 | 13 | 16 | 6 | 55 | 2,214,300 | 0.0025% |
| Pulau Pinang | 6 | 13 | 11 | 1 | 31 | 1,416,900 | 0.0022% |
| W/P Labuan | * | * | * | * | * | 80500 | * |
| Jumlah | 213 | 246 | 306 | 154 | 919 | 25,048,300 | 0.0037% |

Sumber 1: Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman.

Sumber 2 : Jumlah Penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota 2: 2003 sehingga Julai 2003

Nota⁴: Peratusan Sumbang Mahram 2000-2003 berbanding dengan jumlah penduduk pada 2003

Namun begitu, jika kes sumbang mahram ini dilihat dari segi peratusan perbandingan jumlah penduduknya, negeri tertinggi yang mempunyai kes sumbang mahram ini ialah Pahang dengan 0.0057% daripada penduduk negerinya. Ini diikuti pula oleh Negeri Melaka dengan 0.0055%. Negeri-negeri lain pula ialah Negeri Sembilan dan Johor (masing-masing 0.0049%), Kedah (0.0043%), Kuala Lumpur (0.0040%), Terengganu dan Kelantan

(masing-masing 0.0036%), Sabah (0.0035%), Perlis (0.0032%), Perak (0.0031%), Selangor (0.0029%), Sarawak (0.0025%), yang terendah sekali kes sumbang mahram ialah Pulau Pinang dengan peratusan sebanyak 0.0022% sahaja (Jadual 1).

Apabila membincangkan statistik kuantitatif sumbang mahram perlu dilihat hubungan antara mangsa sumbang mahram dengan pemangsa yang mempunyai pertalian kekeluargaan. Statistik kuantitatif kes sumbang mahram (Jadual 2) mengikut pertalian keluarga menunjukkan bahawa bapa kandung, bapa saudara dan bapa tiri menduduki rangking tertinggi. Daripada 919 kes sumbang mahram dalam tahun 2000 hingga 2003, sebanyak 592 kes daripada tiga golongan ini. Jumlah ini merangkumi 64.43% kes sumbang mahram. Daripada jumlah 592 kes yang melibatkan tiga golongan ini sebanyak 269 kes datangnya daripada bapa kandung yang merupakan wali utama kepada mangsa. 165 kes daripada bapa saudara dan 158 kes daripada hubungan mangsa dengan bapa tiri.

Jadual 2 Kes Sumbang Mahram Mengikut Pertalian Keluarga

| HUB. KELUARGA | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 ¹ | Jumlah | % drpd kes |
|------------------------|------|------|------|-------------------|--------|------------|
| Bapa kandung | 67 | 77 | 77 | 48 | 269 | 29.28 |
| Bapa saudara | 34 | 42 | 65 | 24 | 165 | 17.96 |
| Bapa tiri | 41 | 52 | 40 | 25 | 158 | 17.19 |
| Abang ipar / Adik ipar | 26 | 23 | 22 | 9 | 80 | 8.72 |
| Abang kandung | 13 | 15 | 29 | 14 | 71 | 7.73 |
| Sepupu | 8 | 11 | 27 | 13 | 59 | 6.42 |
| Datuk | 4 | 5 | 13 | 5 | 27 | 2.94 |
| Saudara terdekat | 7 | 7 | 6 | 4 | 24 | 2.61 |
| Bapa angkat | 5 | 7 | 9 | 4 | 23 | 2.50 |
| Abang tiri | 1 | 4 | 10 | 3 | 18 | 1.96 |
| Datuk tiri | 3 | 0 | 2 | 2 | 7 | 0.76 |
| Datuk saudara | 2 | 1 | 1 | 2 | 6 | 0.65 |
| Abang angkat | 3 | 0 | 0 | 0 | 4 | 0.40 |
| Adik Kandung | 1 | 0 | 2 | 0 | 3 | 0.33 |
| Anak | 0 | 0 | 2 | 1 | 3 | 0.33 |
| Bapa mertua | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0.11 |
| Anak tiri | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0.11 |
| Jumlah | 213 | 246 | 306 | 154 | 919 | 100 |

Nota: 2003 sehingga Julai 2003 dan Sumber : Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman

Peringkat pertalian keluarga yang kedua tertinggi dalam kes sumbang mahram ialah melibatkan abang ipar atau adik ipar, abang kandung dan sepupu. Ketiga-tiga golongan ini pula merangkumi 22.87% atau 210 kes daripada 919 kes keseluruhan sumbang mahram. Daripada tiga golongan ini pula abang ipar atau adik ipar mewakili kes yang terbanyak iaitu 80 kes (8.72%). Ini diikuti kemudiannya oleh abang kandung sebanyak 71 kes (7.73%) dan sepupu 59 kes (6.42%)

Peringkat pertalian terendah kes sumbang mahram melibatkan datuk tiri, datuk saudara, abang angkat, adik kandung, anak, bapa mertua dan anak tiri. Semua pertalian ini merangkumi hanya 25 kes atau 2.69 peratus daripada 919 kes sumbang mahram. Jumlah dan peratus kes sumbang mahram ialah datuk tiri tujuh kes (0.76%), datuk saudara enam kes (0.65%), abang angkat empat kes (0.40%), tiga kes (0.33%) bagi kes adik kandung dan kes anak kandung serta satu kes (0.11 %) yang melibatkan bapa mertua dan anak tiri.

KES KUALITATIF KES-KES SUMBANG MAHRAM

Terdapat lima contoh kes yang melibatkan sumbang mahram yang mempunyai situasi yang bermacam-macam.

KES I

Faridah Ismail dan Azizul Ahmad (bukan nama sebenar) hampir tujuh tahun mendirikan rumah tangga dan dikurniakan dua cahaya mata yang cornel berusia 3 hingga 6 tahun. Rumah tangga ini dibina atas dasar cinta ketika sama-sama menuntut di pusat pengajian tinggi dan direstui oleh kedua-dua keluarga. Segalanya bermula apabila Faridah membenarkan adiknya Fadzillah yang baru tamat pengajian, menumpang di rumah mereka setelah mendapat pekerjaan.

Mula-mula tidak nampak masalah yang timbul. Faridah akan menghantar adiknya sekiranya tidak bertugas di luar daerah, tetapi apabila bertugas di luar dia akan meminta Azizul menghantark dan menjemput Fadzillah di tempat kerjanya. Disebabkan terlalu kerap bersama Fadzillah di dalam kereta ke pejabat dan semasa berada di rumah, satu perasaan lain timbul kepada Azizul, ditambah dengan rupa paras Fadzillah yang lebih cantik dan pandai bergaya berbanding dengan kakaknya. Walaupun masih menjaga batas-batas seorang abang ipar dengan adik ipar, timbul juga sekali-sekala situasi yang mencabar keimanannya selama ini.

Faridah mula merasai kelainan suaminya apabila sering sahaja menolak pelawaan untuk pergi bersamanya semasa bertugas di luar daerah sebagaimana biasa. Ini ditambah dengan cerita pembantu rumahnya Mimi, yang suami dan adiknya sentiasa pulang lewat apabila dia tiada di rumah. Faridah mula mengatur rancangan dengan mengatakan dia akan bertugas selama seminggu di luar daerah dan berpura-pura mengajak suaminya. Tetapi seperti yang dijangkaj ajakannya ditolak dengan pelbagai alasan. Akhirnya beliau meninggalkan rumah dengan alasan bertugas di luar sambil berehat bersama anak-anak. Pada hal dia meninggalkan anak-anaknya bermalam di rumah rakan. Pada malam tersebut dia kembali ke rumah dan dengan menggunakan kunci pendua rumahnya dia membuka pintu dengan berhati-hati. Sebaik sahaja iampu dibuka, dia terperanjat dengan adegan yang disaksikan dengan mata kepalanya sendiri. Azizul dan Fadzillah yang sedang bermesra dengan rakusnya di ruang tamu segera bangkit dengan perasaan malu meminta maaf daripada Faridah. Faridah terus meminta Azizul menceraikannya kerana tidak mahu lagi melihat kedua-duanya bergelumang dengan dosa walaupun hati kecilnya begitu pedih dan terkilan dengan perbuatan suami dan adik kandungnya sendiri. (Normala Hamzah, 1999: 60-63).

KES II

Mas menceritakan bahawa dia telah jatuh cinta dengan abang iparnya sejak mula diperkenalkan oleh kakaknya buat kali pertama. Mas hampir pengsan apabila mendapat berita yang kakaknya akan berkahwin dengan lelaki pujaannya. Apabila berkahwin, mereka tinggal di bandar dan hanya sekali sekala sahaja balik ke kampung. Ketika itu Mas akan melayan abang ipar dan kakaknya dengan sebaik-baiknya walaupun jauh di sudut hatinya masih berdebar-debar apabila berhadapan dengan abang iparnya. Apabila mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di sebuah kolej di bandar, Mas telah diajak oleh kakaknya untuk tinggal bersama-sama dengan mereka.

Pada mulanya memang Mas tidak berniat langsung untuk mengoda abang ipar atau merebut abang ipar daripada kakak kesayangannya. Tetapi apabila hampir setahun tinggal bersama-sama dengan mereka, Mas dapat merasakan abang iparnya mula memberikan perhatian kepadanya. Suatu malam semasa berada di rumah menantikan kepulangan kakaknya daripada kerja, dengan berani abang iparnya meluahkan perasaan sayang terhadap Mas dan membandingkan dirinya dengan kakaknya. Mas dengan berdebar-debar cuba mengawal perasaannya hingga suatu hari semasa dalam perjalanan kembali dari KLIA selepas sama-sama menghantar kakaknya berlepas ke Australia untuk menghadiri satu kongres, kejadian yang tidak diduga telah berlaku. Abang iparnya memberhentikan kereta dan meluahkan perasaannya hingga akhirnya Mas juga turut berterus terang tentang perasaannya terhadap abang iparnya itu. Abang iparnya terus membelai dan memeluknya hingga Mas merasakan itulah saat terindah yang pernah dilaluinya. Bukan setakat itu sahaja, bahkan apabila pulang ke rumah mereka telah melepaskan rindu dendam masing-masing dengan melakukan perbuatan terkutuk. Selama dua minggu ketiadaan kakaknya, maka selama itulah mereka telah melakukan perbuatan sumbang tersebut. (Sharifah Abu Salem. 2001:32-23)

Kes III

Wani, 13, anak emas bapa tirinya. Berbeza dengan adik-beradik yang lain tidur di lantai, Wani ada katil sendiri dan diberi makanan, pakaian dan permainan berlebihan serta layanan istimewa. Ibu Wani kerap bekerja malam kerana bertugas mengikut giliran. Bapa tirinya sering memujf-muji kecantikan dan kepandaian melayaninya. Disebabkan mereka tidur sekamar, Wani dapat melihat setiap kali ibu dan bapa tirinya melakukan hubungan kelamin. Dia cemburu dan secara rahsia membenci ibunya. Adik beradiknya kerap memberitahu ibu mereka tentang Wani yang selalu tidur bersama dengan bapa tirinya. Malangnya ibu mereka tidak mempercayainya. Wani dan bapa terus mengadakan hubungan. Wani menganggap bapa tin sebagai kekasihnya dan berharap dapat mengahwininya suatu hari nanti. Selepas beberapa kali melakukan keguguran, Wani akhirnya melahirkan anak yang diberikan kepada ibu saudaranya untuk dipelihara. (Norzieyatun Mohd Yahya, 1994: 75)

Kes IV

Liza, 16, dipaksa ibunya melayan hafsu bapa kandung. Disebabkan mempunyai ramai anak dan terpaksa bekerja untuk membesarkan mereka, ibunya penat dan kerap jatuh sakit. Dia tidak terdaya melayani suaminya dan menyuruh Liza melayaninya. Walaupun Liza tahu ia salah, dia tiada jalan lain kerana ibunya kerap mengugutnya dengan mengatakan bapanya mungkin akan meninggalkan mereka. Ibu Liza sebenarnya tidak mahu dimadukan kerana takut bapanya mungkin tidak akan kembali ke rumah mereka lagi. Dia tidak mencumberui Liza kerana pada pendapatnya, suaminya tidak mencintai Liza tetapi hanya menggunakannya

sebagai tempat melepaskan nafsu sahaja. Liza akhirnya membuat pengaduan apabila dia mengandung hasil daripada perhubungan tersebut. (Norzieyatun Mohd Yahya, 1994:75)

Kes V

Nafisah yang baru berusia 14 tahun dijaga oleh ibunya yang telah berkahwin lain. Bapa tirinya bekerja sendiri. Ibunya kurang stabil dan kerap ingin menyenangkan suaminya yang masih muda berbanding dengannya. Nafisah telah dipaksa oleh ibunya untuk mengadakan hubungan kelamin dengan bapa tirinya dengan alasan untuk memastikan kedaraannya. Setiap kali Nafisah dirogol oleh bapa tirinya (lebih 10 kali), ibunya meyakinkannya seolah-olah menonton wayang. Tiada perasaan belas kasihan terhadap anak kandungnya itu semata-mata bagi memuaskan nafsu suaminya. Apabila laporan dibuat terhadap bapa tiri, ibunya masih teragak-agak untuk menjadi saksi bagi pihak anaknya kerana masih sayang suaminya itu. (Norzieyatun Mohd Yahya, 1994: 75)

ULASAN KES SUMBANG MAHRAM DARI ASPEK KUANTITATIF DAN KUALITATIF SUMBANG MAHRAM DARI ASPEK KUANTITATIF

Sumbang mahram dari aspek kuantitatif memberikan gambaran umum tentang keseriusan kes-kes sumbang mahram yang berlaku di Malaysia. Kes-kes ini boleh menjelaskan tentang beberapa perkara yang penting sebagai ulasan iaitu:

- (1) Berdasarkan statistik sumbang mahram dari tahun 2000-2003, jelas menunjukkan sesebuah negeri tidaklah boleh menilai kes sumbang mahram hanya dengan melihat dari segi jumlahnya sahaja berbanding dengan jumlah kes negeri-negeri lain. Sesebuah kerajaan negeri perlu melihat tahap serius kes sumbang mahram mereka dengan melihat jumlah kes dibandingkan dengan jumlah penduduk negeri mereka. Dengan ini tahap keseriusan kes sumbang mahram boleh dilihat dengan nisbah yang lebih tepat.
- (2) Kerajaan persekutuan atau negeri-negeri boleh menjadikan negeri-negeri yang mempunyai peratusan yang tinggi kes sumbang mahram berbanding dengan jumlah penduduknya seperti Pahang dan Melaka sebagai kajian yang mendalam untuk mendapatkan punca-punca dan faktor-faktor utama.
- (3) Kes sumbang mahram yang melibatkan pertalian keluarga yang tertinggi ialah melibatkan bapa kandung, bapa saudara dan bapa tiri. Justeru, golongan ini menjadi faktor penyebab yang utama kes-kes sumbang mahram yang berlaku di Malaysia. Sehubungan itu, tumpuan kajian terhadap kes-kes sumbang mahram mestilah melibatkan kepada golongan ini terutamanya untuk mencari kenapa mereka memilih mangsa sebagai tempat untuk mendapatkan kepuasan seks mereka. Kajian-kajian kualitatif terhadap golongan ini mampu mencari punca-punca penyelesaian sumbang mahram seterusnya mampu menyelesaikan hampir banyak kes-kes sumbang mahram.
- (4) Penilaian aspek kuantitatif kes sumbang mahram sebenarnya tidaklah menggambarkan gambaran yang sebenar. Sebagai contoh apabila dilihat jumlah kuantitatif kes sumbang mahram yang dilaporkan. Umumnya masyarakat akan melihat kes-kes ini seratus peratus merupakan kesalahan pihak lelaki. Pihak yang bersalah ini seterusnya dilebel dengan penglabelan 'rakus', 'binatang', 'buas' dan bermacam-macam label yang memberikan jumlah total kesalahan kepada mereka semata-mata. Bahkan, apabila kes ini dibicarakan tumpuan hukuman hanya kepada mereka.

Dalam menilai kes-kes sumbang mahram ini, umum mesti melihat faktor-faktor yang mendorong pemangsa melakukan jenayah sumbang mahram dengan lebih terperinci. Kes-kes sumbang mahram dari aspek kualitatif yang dibincangkan menjelaskan beberapa situasi yang berbeza yang menyebabkan berlakunya kes sumbang mahram.

SUMBANG MAHRAM DARI ASPEK KUALITATIF

Berdasarkan kepada contoh-contoh kes yang berlaku, boleh diperhatikan kepada beberapa perkara berkaitan faktor dan situasi yang menyebabkan berlaku kejadian sumbang mahram. Faktor dan situasi yang mendorong kepada terjadi perlakuan ini bukan sahaja menjurus kepada mana-mana pihak tertentu, atau perlu ditudingkan kepada siapa yang bersalah tetapi melibatkan semua pihak.

- (1) Kes-kes kualitatif yang dijelaskan boleh dijadikan satu bukti tentang kepentingan kajian kualitatif untuk mencari faktor dan punca sebenar kes-kes sumbang mahram. Kes-kes ini membuktikan terdapat pelbagai sebab yang bukan sahaja berpunca daripada pemangsa iaitu lelaki dalam kes sumbang mahram tetapi juga faktor-faktor pendorong lain yang melibatkan berbagai-bagai faktor yang mendorong terjadinya sumbang mahram.
- (2) Dalam kes I dan II, didapati isteri amat menaruh kepercayaan kepada suami dan adiknya hingga membuka ruang dan peluang yang begitu luas kepada kedua-duanya untuk memulakan hubungan intim yang keterlaluan bukan hanya terbatas kepada hubungan abang ipar dengan adik ipar. Suami dan adik ipar pula mengambil kesempatan daripada kepercayaan dan peluang yang ada tanpa membuat pertimbangan sewajarnya tentang kedudukan mereka sebagai abang dan adik ipar.
- (3) Kes III memperlhatikan konflik dan kedangkalan yang berlaku dalam sebuah keluarga yang situasi kehidupannya ternyata mengundang kepada kejadian sumbang. Keadaan rumah yang tidak mempunyai banyak ruang telah menyebabkan anggota keluarga tidak mempunyai batasan antara satu sama lain. Perlakuan ranjang antara ibu dan bapa tiri dapat dilihat oleh anak-anak, begitu juga dengan perlakuan sumbang bapa tiri dengan anak tiri juga dapat diketahui oleh anak-anak lain. Kecelaruan anak yang tidak dapat membeza dan membendung perasaan kasih terhadap bapa tiri hingga mencemburui ibunya sendiri dan ketidakpekaan ibu dengan aduan atau situasi rumahtangga juga menggambarkan kekalutan yang berlaku dalam keluarga. Tidak dapat dinafikan juga, si* anak telah teransang dan terkesan daripada perlakuan ibu dan bapa tirinya kerana berada dalam bilik yang sama.
- (4) Kes IV dan V pula memperlihatkan kesanggupan seorang ibu yang tidak terdaya melayani nafsu suami disebabkan penat, sibuk dengan urusan kerja dan suami lebih muda daripadanya. Walaupun demikian, si ibu tidak mahu dimadu, tidak mahu ditinggalkan suami dan menyayangi suami dengan membabi buta, telah sanggup menggadaikan anaknya sendiri. Anak yang pasrah dengan permintaan ibu digambarkan dengan perkara-perkara yang akan berlaku sekiranya ia menofak untuk melayani si bapa. Situasi ini ditambah dengan kerakusan nafsu kehaiwanan yang ada pada si bapa yang tidak mempertimbangkan dosa dan pahaia.

FAKTOR SUMBANG MAHRAM SATU ANALISIS

Faktor yang menyumbang kepada sumbang mahram boleh dilihat daripada beberapa aspek, iaitu tahap iman yang lemah, kurang pendidikan dan kefahaman agama, kegagalan isteri memenuhi keperluan suami, dan batas pergaulan dan hubungan dalam keluarga

Tahap Iman yang Lemah

Secara umumnya, kebanyakan pelaku sumbang mahram mengetahui dosa perlakuan tersebut. Disebabkan oleh kelemahan iman menyebabkannya dalam keadaan-keadaan tertentu nafsunya mengatasi kewarasan. Ini terbukti dalam kes Fadzillah Ismail dengan Azizul Ahmad dalam kes I dan Mas dalam kes II. Godaan nafsu ini mendorong Fadzillah dengan Azizul dan Mas dengan abang iparnya melakukan sumbang mahram setelah terdorong dengan situasi yang sesuai untuk mereka melakukannya. Godaan nafsu seperti ini sentiasa berlaku dan dorongan faktor-faktor luaran yang mengarahkan kepada dosa tersebut menggalakkan lagi dorongan tersebut.

Hal godaan nafsu ini pernah diperingatkan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya yang bermaksud: *"sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."* (Yusuf: 53). Ayat ini menjelaskan tentang bahaya nafsu apabila telah melampau kewarasan seseorang, Hilangnya kewarasan ini tidak boleh diselamatkan lagi melainkan dengan rahmat dan kasih sayang Tuhan yang boleh menyelamatkannya. Oleh sebab itu, tidak pelik jikalau seseorang yang dianggap kuat agamanya sekalipun boleh terjerumus mengikuti hawa nafsunya.

Rasulullah s.a.w. dalam menyokong faktor ini pernah menjelaskan: *"Tidak berzina seorang pezina ketika dia berzina sekiranya imannya ada (di dalam hatinya)."* (Al-Imam al-Tarmidzi, 1994: 283/4). Hadis ini memberikan pengertian bahawa seorang yang mempunyai keimanan dalam hatinya sudah pasti tidak akan membuat zina atau seumpamanya seperti sumbang mahram.

Kelemahan iman ini perlu ditangani oleh setiap individu dengan meningkatkan keimanan mereka melalui penglibatan diri dalam aktiviti yang meningkatkan keimanan dengan mendekati diri kepada Allah S.W.T. Satu hadis berbunyi: *"Daripada Jundub b. Abdullah katanya, "Kami bersama Nabi s.a.w. sedangkan kami ketika itu adalah pemuda yang gagah. Kami mempelajari iman dahulu sebelum kami mempelajari al-Quran. Kemudian apabila kami mempelajari al-Quran, menyebabkan iman kami bertambah-tambah."* (Al-Imam Ibnu Majah, 1954: 23/1). Hadis ini menunjukkan bagaimana sahabat-sahabat yang bersama-sama Rasulullah s.a.w. sentiasa mempelajari keimanan sehingga iman mereka berada pada tahap yang tinggi.

Menurut paradigma al-Nawawi untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T. sebagai belajar iman yang dijelaskan di dalam hadis di atas, sifat-sifat ini perlu ditanamkan di dalam hati iaitu: keikhlasan, taubat, *muraqabah*², *yaqin*³, *tawakkal*, takut dan harap, warak⁴, *taqwa*⁵, *istaqamah*,

² Muraqabah ialah orang yang berjaga-jaga dengan Allah S.W.T. dan tidak melakukan sesuatu perkara dengan tergesa-gesa kerana takutkanNya (al-Nawawi, 1983: 90)

³ Yaqin pada bahasa bermakna, 1 Imu yang tidak ada syak padanya. Dari segi istilah bermaksud, pegangan kepada sesuatu dan seseorang tidak akan berganjak daripada sesuatu melainkan apa yang dipegang. Tawakkal kepada Allah S.W.T. pula bermaksud, tetap tidak berganjak melainkan kepadaNya sahaja, dan penyerahan serta pegangan hanya kepadaNya (al-Nawawi, 1983: 98).

⁴ Warak ialah meninggalkan apa yang tidak mengapa kerana berjaga-jaga terhadap sesuatu yang mempunyai

berpegang teguh kepada perintah Allah S.W.T., selalu menangis kerana takutkan-Nya dan meridltti-Nya, selalu bertafakur⁶, mengingati maut, dan memendekkan angan-angan, sabar dengan ujian-Nya, jujur, *qanafah*⁷, bersegera kepada kebaikan, bersungguh-sungguh, menjaga sunnah Rasulullah s.a.w, zuhud, bersyukur terhadap nikmat yang diberi-Nya, memperbanyakkan perkara berkat dalam kehidupan dan menambahkan kebajikan ketika umur tua (Kamarul Azmi b. Jasmi, 2002: 49). Menghayati segala aspek-aspek ini mampu mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. seterusnya mengekalkan keimanan pada tahap yang tinggi dalam setiap keadaan dan ketika. Sebagai contoh menghayati diri dengan sifat seperti muraqabah dan takwa sahaja sudah cukup menggerunkan hati untuk melakukan dosa kecil apatah lagi dosa besar seperti sumbang mahram kerana merasakan Tuhan sentiasa melihat dan membalas perbuatannya.

Kurang Pendidikan dan Kefahaman Agama

Kes-kes yang melibatkan kurangnya pendidikan dan kefahaman agama dapat dilihat dalam semua kes-kes (Kes I - V) sumbang mahram yang telah dibincangkan di atas. Kes ibu Liza dan Ibu Nafisah misalnya menggambarkan kecacatan agama ibu mereka sehingga menganggap perbuatan mengorbankan anak mereka kepada suaminya tidak dianggap satu kesalahan oleh mereka berdua. Ini ditambah lagi dengan ketohoran agama kedua-dua bapa mangsa yang melakukan sumbang mahram dan menganggap dosa tersebut sebagai tidak salah. Kurangnya pendidikan dan kefahaman agama dengan ditambah lagi terdapat dorongan yang mudah untuk melakukan sumbang mahram menyebabkan berlakunya kes itu. Oleh sebab itu, tidak hairan kalau kes sumbang mahram yang melibatkan bapa kandung dan bapa tiri dalam statistik kuantitatif (Jadual 2) merupakan kumpulan yang tertinggi iaitu mewakili 29.28% dan 17.19% daripada keseluruhan kes pada 2000-2003.

Menurut Dr. Mizan Adillah bt. Ahmad Ibrahim (1997: 14), Pensyarah Kaunseling di Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia bahawa mengikut teori perolehan mudah, orang akan kerap melakukan sesuatu apabila ia mudah melakukannya. Oleh yang demikian, apabila ahli keluarga sendiri terutamanya ibu, sudah tidak mengambi 1 berat dan membiarkan perbuatan sumbang mahram berlaku, sudah pastinya perkara tersebut akan berterusan berlaku. Ini membuka ruang kepada pelaku sumbang mahram yang sudah tentunya mempunyai pengetahuan agama yang cetek bertindak sesuka hati tanpa ada rasa betas kasihan lagi.

Pendidikan pengetahuan agama merupakan teras peraturan manusia. Kehidupan yang tidak berlandaskan peraturan sudah tentu akan kucar kacir sebagaimana kes sumbang

apa-apa. Ada dua jenis, pertamanya warak sunat iaitu meninggalkan syubhat dan keduanya, warak wajib iaitu meninggalkan yang haram (al-Nawawi, 1983: 311). Juga bermaksud mengikut hukum yang sah dengan dalil dan meninggalkannya kerana tidak ada dalil (Mustafa Said, 1992: 431/1).

⁵ Takwa bererti, menjaga daripada apa yang ditakuti. Oleh itu takwa kepada Allah S.W.T. membawa maksud mentaatinya dan tidak melawanNya, mengingatiNya dan tidak melupakanNya, mensyukuriNya dan tidak mengkufuriNya (al-Nawawi, 1983: 95). Sentiasa mengikut cara yang betul dan lurus, dan saidina Umar berkata, istiqmah itu kamu berdiri atas perintah takut terhadap azabnya dan harapkan balasan syurga.

⁶ Berfikir atau memerhati terhadap kepada keagungan ciptaan Allah S.W.T., kebinasaan dunia, kedahsyatan akhirat dan segala perkara yang membawa menghalang nafsu, mendidiknya dan sentiasa istiqamah (al-Nawawi, 1983:105).

⁷ Qana'ah: ridha dengan peruntukan atau bahagiannya.

mahram yang dibincangkan. Sebab itu pengetahuan agama menjadi wajib bagi orang Islam mempelajarinya bukan sahaja ketika muda bahkan setelah berkahwin sehingga ke akhir hayat. Rasulullah s.a.w. menjelaskan: "*Sesiapa yang dikehendaki Allah kebaikan (dalam hidup) dia akan dijadikan Allah bemsaha mendalami agamanya.*" (Al-Imam al-Bukhari, 1994: 30/1) Hadis ini bermaksud bahawa orang yang mendalami agamanya akan sentiasa hidup yang baik dan sempurna di dunia seterusnya mendapat balasan yang baik pula di alam akhirat.

Kegagalan Isterimemenuhi Keperluan Suami

Kes ibu Liza dan ibu Nafisah serta banyaknya bapa kandung dan bapa tiri terlibat dalam sumbang mahram sebagaimana statistik Jadual 2 banyak berkait rapat dengan kegagalan isteri untuk memenuhi keperluan asas seks suami yang menjadi matlamat perkahwinan. Perkahwinan sendiri dari segi bahasa bermaksud *bercantum dan bergabung*. Manakala dari segi istilah syarak pula bermaksud: *Satu a laid yang membolehkan seorang lelaki berseronok dengan seorang wanita dengan seks, melihat tanpa had, memeluk, mencium dan sebagainya.* (Al-Zuhaili, 1984: 29/7). Berdasarkan pentakrifan ini sudah terjawab maksud asal perkahwinan bagi seorang lelaki ialah untuk menyelesaikan keperluan seksnya.

Sewaktu awal perkahwinan, isteri masih boleh menunaikan kewajipan melayan suaminya ini dengan sempurna. Apabila telah sampai peringkat 40-an apatah lagi jika isteri berkahwin semula dengan lelaki yang lebih muda, tahap layanan ini berkurangan atas sebab-sebab biologi mereka. Ini menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan antara keperluan suami dan kegagalan isteri. Sebagai contoh, seorang suami mempunyai keinginan terhadap isterinya tetapi isteri tidak mampu melayan kerana penat dan sakit-sakit seperti kes ibu Liza, dan ibu Nafisah, kemanakah suaminya ingin menyelesaikan keperluannya. Kelemahan iman dan kurangnya pengetahuan agama menyebabkan suaminya bertindak memuaskan nafsu terhadap anaknya.

Menurut Prof. Dr Chiam Heng Keng (Norzieyatun Mohd Yahya: 1994: 78-79) dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, beliau menfokuskan kegagalan isteri memuaskan keperluan suami menjadi punca berlakunya sumbang mahram. Ini mendorong suami menggunakan anak untuk tujuan tersebut. Rata-rata isteri menurut beliau tahu perlakuan sumbang mahram adalah salah tetapi atas sebab maiu atau takut kehilangan suami sebagaimana kes ibu Liza menyebabkan mereka rela suami melakukan perkara tersebut daripada membenarkan suami mereka mencari kepuasan di luar agar kelemahan dan kegagalan mereka dalam hubungan suami isteri diketahui umum.

Justeru, menurut paradigma al-Nawawi (1983), matlamat asal perkahwinan untuk menyelesaikan keperluan suami tidak boleh dilupakan oleh isteri bagi mengekal kebahagiaan rumahtangganya dengan suaminya. Tugas ini perlu diutamakan isteri dalam apa keadaan pun kecuali jika mereka dalam keadaan sakit, haid dan nifas (yang tidak berpanjangan). Sebagai contoh sehinggakan Baginda Nabi s.a.w. menjelaskan bahawa Malaikat akan melaknat seorang isteri sehingga ke pagi bagi yang enggan mengikuti kemahuan suaminya (Al-Imam Abu Daud, 1994: 491/1) dan memerintahkan para isteri menyanyikan kemahuan suami sekalipun ketika sedang sibuk memasak (Al-Imam al-Tarmidzi, 1994: 386/2). Keadaan-keadaan ini semuanya bermaksud bahawa isteri hendaklah sentiasa bersedia memenuhi keperluan suami dengan sepenuh hati, jiwa dan raganya tanpa mengira masa dan keadaan. Berdasarkan teori pembelajaran Maslov (Mohd Saleh: 1999), kekurangan atau ketidaksempurnaan fisiologi yang antaranya termasuk keperluan seks merupakan punca

kepada mereka mencari alternatif untuk memenuhi keperluan keinginan itu dan keperluan asas ini mesti terpenuhi. Sekiranya isteri gagal memenuhi keperluan asas perkahwinan ini atau merasakan tidak lagi mampu untuk melayan keperluan suaminya sudah sewajarnya dia memilih satu penyelesaian yang terbaik melalui poligami misalnya yang halal di sisi undang-undang agama Islam berbanding membiarkan suaminya terjerumus dalam dosa besar seperti perlakuan sumbang mahram.

Batas Pergaulan dan Hubungan dalam Keluarga

Kes Fadzillah dalam Kes I, Mas dalam kes II dan Wani dalam kes III merupakan contoh batas pergaulan yang sudah melampau had-had yang dianjurkan dalam Islam sehingga mendorong kepada sumbang mahram. Dalam kes Wani misalnya, Islam telah mengajar batasan bagi anak-anak untuk tidak boleh masuk ke bilik ibu bapa mereka sesuka hati apabila telah mumayyiz apatah lagi setelah baligh. Larangan ini berkait rapat dengan penjagaan aurat dan penjagaan rahsia *sulit* perkahwinan di antara ibu bapa dan anak-anak. Ini sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah S.W.T. yang ertinya:

Maksud: "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang Isyak; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa yang tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu, dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu denganyang lain."

(Al-Nur: 58)

Ayat ini dengan jelas melarang anak yang sudah mumayyiz daripada masuk ke bilik ibu bapa dalam tiga masa utama tersebut melainkan setelah mendapat keizinan mereka agar perkara yang sepatutnya tidak mereka tahu menjadikan mereka tahu dan ingin mengikut dan mencuba. Dalam kes kes Wani 13 tahun, jelas terdapat bukti kesan yang tidak baik mempengaruhinya kerana tidak diasingkan tempat tidurnya dengan tempat tidur ibu bapanya. Perintah mengasingkan tempat tidur telah dijelaskan dalam Islam bagi anak-anak yang sudah mumayyiz kerana pada peringkat ini mereka sudah memahami kelakuan, tindakan dan percakapan orang lain dan kerana peringkat ini mereka suka untuk mencuba sesuatu yang baru (Muhammad Said, 1998). Rasulullah s.a.w. bersabda: "*Suruh anak-anak kamu bersembahyang pada usia tujuh tahun, dan pukullah mereka untuk bersembahyang pada usia sepuluh tahun, dan pisahkan antara mereka pada tempat tidur.*" (Al-Imam Abu Daud, 1994: 1Z7/1) Dalam hadis ini menjelaskan larangan anak-anak tidur sesama mereka sama ada antara lelaki dengan perempuan atau sesama jantina ketika umur mumayyiz sebagai had batasan pergaulan dalam keluarga. Larangan ini lebih diberatkan kepada mereka untuk tidur dengan ibu bapa mereka.

Dalam Islam, pergaulan lelaki dan wanita yang melibatkan kerabat hasil daripada persemendaan atau *haram mu'akkad* seperti adik ipar atau kakak ipar, merupakan pergaulan yang perlu dijaga dengan rapi dari segi aurat, tutur kata dan pergaulan kerana bahayanya adalah lebih besar berbanding dengan haram selama-lamanya atau *haram mu'abbad* dan yang mahram. Ini kerana, hal penjagaan batasan yang melibatkan pertalian ini amat kurang dijaga

dengan alasan contohnya abang ipar telah berkahwin dengan kakaknya atau adik ipar lelaki sudah berkahwin dengan adik perempuannya. Akibatnya timbul kes-kes seperti kes Fadzillah dan kes Mas yang dibincangkan sebelum ini selain terbukti sumbangan yang besar dalam statistik (Jadual 1) adalah datang daripada abang ipar atau adik ipar iaitu 8.72% daripada 919 kes dan menduduki kedudukan keempat terbanyak kes sumbang mahram.

Penjagaan pergaulan ini pernah ditegas dan diperingatkan oleh Rasulullah dalam satu hadisnya: "*Awas kamu daripada bercampur gaul dengan wanita! Lalu Rasulullah s.a.w. ditanya: Wabai Rasulullah s.a.w. bagaimana kalau bercampur gaul dengan al-Hamu. Rasulullah s.a.w. menjawab: "al-Hamu itu maut"* (Al-Imam al-Bukhari, 1994: 194/6). Menurut Al-Bustani (1956: 142) perkataan *al-Hamu* itu bermaksud ibu atau bapa mertua tetapi termasuk juga ipar duainya sekali. Sabdaan Rasulullah s.a.w. yang bermaksud *al-Hamu* itu maut merujuk kepada bahaya yang lebih besar seorang lelaki bergaul ibu mertua dan ipar duainya yang perempuan, jika tidak menjaga batasan sehingga boleh membawa maut yang merujuk kepada kecelakaan yang besar seperti sumbang mahram.

PENUTUP

Perbincangan aspek-aspek kuantitatif sumbang mahram tidak boleh menggambarkan faktor sebenar punca berlakunya sumbang mahram. Melalui kajian aspek kualitatif, barulah gambaran terperinci tersingkap untuk melihat secara halus apakah punca-puncunya berlaku sumbang mahram. Apa yang jelas, ajaran Islam yang menekankan kepada penjagaan iman, penguasaan ilmu agama, perlaksanaan tanggungjawab isteri dalam rumahtangga dan batasan pergaulan lelaki dan wanita terutamanya yang melibat dalam keluarga lebih-lebih lagi yang melibatkan ipar duai merupakan senjata utama dalam menangani faktor-faktor yang mendorong kes-kes sumbang mahram.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih (1982). "*Tafsir Pimpinan Al-Rahmcm Kepada Pengertian al-Quran.*" Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Bustani, Fuad Afram, (1956). *Munjidat-Tullab*. Bairut: Dar al-Masriq. Al-Imam Abu Daud (1994). *Sunan Abi Dattd*. Bairut: Dar al-Fikr.
- Al-Imam Al-Bukhari (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Jil. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr. Tahqiq: Syekh Abd. Aziz Abdullah. Jilid 1-5. Al-Imam al-Nawawi (1983). *Riyad al-Salihin*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir. Al-Imam al-Tarmidzi (1994). *Sunan al-Tarmidzi*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 1-5. Al-Islam. Januari 1996.
- Al-Zuhaili, Dr. Wahbah (1984). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr. Berita Harujty 10 Mei 2002. Berita Harian, 28 Jun 2003.
- Dr. Mizan Adiliah bt. Ahmad Ibrahim (1997). *Hukum Islam Adalah Pendidikan*. Majalah Dakwah Ogos.
- Imam Ibnu Majah (1954). *Sunan Ibnu Majah*. Mesir: Dar al-Fikr. Jilid 1-2.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Putra Jaya: <http://www.statistics.gov.my>.
- Kamarul Azmi b. Jasmi (2002). Paradigma al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Tesis Sarjana.
- Mohd Saieh b. Lebar(1999). *Asas Psikologi Perkembangan*. Selangor: Utusan Publications

& Distributors Sdn. Bhd. Muhammad Said (1988). *Fan Tarbiyyah al-Aulad fi al-Islam*. Al-Qahirah, Mesir:

Dar al-Tauzic wa al-Nasy al-Islamiyyah. Mustafa Said Al-Khin. *Nuzhat al-Muttaqin Shark Riyad al-Solihin min Kalam*

Sayyid al-Mursalin. Bairut: Mu'assah al-Risalah. Juzuk 1-2. Normala Hamzah (1999). *Asam Garam Rumah Tangga: Isteri Perangkap Suami Berasmara*

Dengan Adik Kandung. Majalah Wanita, November. Norzieyatun Mohd Yahya (1994). *Hawa Nqfsu Mengatasi Kewarasan*. Majalah Jelita Julai. Norzieyatun Mohd Yahya (1994). *Sumbang Mabram Daripada Fail Dr. Kasmimi: Kisah*

Pilu Mangsa. Majalah Jelita, Julai. Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sharifah Abu Salem (2001). *Hati Ke Hati*. Majalah Keluarga. Oktober. Sharifah Abu Salem (2001). *Hati Ke Hati: Saya Tak Berniat Khianati Kakak tapi...* Majalah Keluarga, Oktober. Utusan Malaysia, Julai 2002.